



13 lelaki mengaku tidak bersalah atas pertuduhan merusuh

KUCHING: Seramai 13 lelaki mengaku tidak bersalah di Mahkamah Majistret di sini, semalam atas pertuduhan merusuh dengan menggunakan objek yang boleh dijadikan senjata di sebuah premis makan di Jalan Kuching City Mall pada 17 Mac lalu.

Tertuduh yang berusia antara 20 dan 34 tahun membuat pengakuan itu di hadapan Penolong Kanan Pendaftar Abdurrahman Abrar Jarni terhadap pertuduhan di bawah Seksyen 148 Kanun Keseksaan.

Seksyen itu memperuntukkan hukuman penjara maksimum lima tahun atau denda atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan.

Mengikut pertuduhan, kesalahan itu didakwa dilakukan kira-kira jam 10.30 malam pada Selasa, 17 Mac lalu di premis berkenaan.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Muhammad Aidil Akmal Sharidan yang memohon jaminan RM5,000 berserta seorang penjamin tempatan bagi setiap tertuduh bagi memastikan kehadiran

mereka sepanjang prosiding mahkamah.

Namun, peguam bela Ralph Lee yang mewakili 10 daripada tertuduh berhujah anak guamnya tidak sepatutnya didakwa kerana mereka merupakan mangsa dalam kejadian itu dan hanya bertindak mempertahankan diri.

Beliau turut memaklumkan bahawa tiga daripada anak guamnya juga merupakan pengadu dalam kes berkenaan, selain memberi kerjasama penuh sepanjang siasatan serta tidak menunjukkan sebarang risiko melarikan diri.

Selepas mendengar hujahan kedua-dua pihak, mahkamah membenarkan 10 tertuduh yang diwakili diikat jamin RM3,500 tanpa deposit dengan dua penjamin tempatan.

Manakala, tiga lagi tertuduh yang tidak diwakili dibenarkan diikat jamin RM3,500 dengan deposit berserta seorang penjamin tempatan.

Mahkamah menetapkan 4 Mei depan sebagai tarikh pengurusan kes.

Berdasarkan fakta kes, kejadian dipercayai bermula apabila 10 tertuduh sedang makan di premis tersebut sebelum sekumpulan lelaki datang mencetuskan provokasi dan bertindak menterbalikkan meja makan.

Situasi itu kemudiannya bertukar menjadi rusuhan apabila kedua-dua pihak didakwa menggunakan objek seperti kerusi, barangan logam dan gelas minuman untuk menyerang antara satu sama lain.

Insiden tersebut mengakibatkan beberapa individu mengalami kecederaan serta kerosakan harta benda dianggarkan berjumlah RM3,000.

Difahamkan, pergaduhan itu berpunca daripada perselisihan berkaitan hutang berjumlah RM12,000.

Seramai 36 individu dilaporkan terbabit dalam kejadian itu dengan 13 daripadanya masih bebas.

Kes disiasat oleh Pegawai Penyiasat Awang Iswandi Awang Mahmuddin.

MENGAKUTIDAKBERSALAH: Lee (kanan) berjalan keluar bersama anak guamnya dari kamar mahkamah selepas dibenarkan diikat jamin. — Gambar Kentigern Minggu